

**Kerajaan Menubuhkan MyCreative Ventures, Pemangkin Industri Kreatif
Bernama
13 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Kerajaan akan menubuhkan MyCreative Ventures Sdn Bhd (MyCV), sebuah syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan di bawah Kementerian Kewangan, dengan dana permulaan berjumlah RM200 juta, sebagai pemangkin industri kreatif negara agar lebih berdaya saing.

Dalam satu kenyataan Jumaat, Menteri Kewangan Kedua Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah berkata penubuhan syarikat itu bertujuan menyokong industri kreatif agar dapat menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara.

"Di negara ini, terdapat ramai generasi muda yang berpotensi untuk diperkembangkan idea-idea kreatif mereka, dan diterjemah melalui penghasilan produk atau perkhidmatan untuk dikomersilkan sehingga ke peringkat global.

"Kerajaan sedar kebanyakan idea tersebut tidak dapat dikembangkan kerana wujudnya kekangan seperti aspek kewangan," katanya.

Perlantikan ahli lembaga pengarah MyCV telah dibuat pada 11 Julai yang lalu, di mana Datuk Seri Farid Ridzuan dilantik menjadi pengerusi dan Johan Mohamed Ishak sebagai ketua pegawai eksekutif.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680464>